



Nestlé Good food, Good life

Siaran Media

Kuala Lumpur, 29 Mei 2023

MILO® & OCM Perkukuh Kerjasama Untuk Bina Negara Juara

KUALA LUMPUR, 29 Mei 2023 – MILO®, jenama kegemaran dan sebutan ramai dengan komitmen kukuh untuk membudayakan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia, hari ini menekankan dedikasi jangka panjangnya kepada arena sukan negara dengan menandatangani perjanjian tajaan dengan Olympic Council of Malaysia (OCM).

Berbangga dengan warisan selama 70 tahun menyokong atlet dan mencetus minat terhadap sukan dalam kalangan rakyat Malaysia, MILO telah berganding bahu dengan OCM setiap tahun sejak 1950-an untuk menyediakan tajaan kewangan kepada kontinjen Malaysia yang bersaing di Sukan Olimpik dan temasya sukan berbilang acara antarabangsa lain di samping membekalkan tenaga kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dengan MILO. MILO juga telah menjadi penaja rasmi semua temasya sukan berbilang acara yang dianjurkan oleh OCM dan Kerajaan, termasuk Sukan SEA dan Sukan Komanwel yang diadakan di Kuala Lumpur.

Majlis tandatangan bagi perjanjian tajaan diadakan membabitkan Dato' Mohd Nazifuddin, Ketua Setiausaha OCM dan Ng Su Yen, Pegawai Eksekutif Perniagaan, MILO, sambil disaksikan oleh En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad dan Datuk Hj. Hamidin, Timbalan Presiden OCM. Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran bekas atlet tersohor Malaysia termasuk Cik Annie Choong, Tan Sri Dr. M. Jegathesan, Datuk Soh Chin Aun, Nurul Huda Abdullah, Datuk Rashid Sidek, Ng Shu Wai dan Dato Pandelega Rinong.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Sebagai sebahagian daripada matlamat Nestlé menggalakkan gaya hidup lebih sihat dalam

kalangan rakyat Malaysia, sepanjang tempoh tujuh dekad lepas, MILO bertekad untuk mencorakkan masa depan sukan negara. Hakikat ini dapat dilihat daripada kerjasama dengan OCM yang semakin luas sejak dimulakan pada 1950-an, apabila Kontinjen Malaysia menyertai Sukan Olimpik Ke-16 buat julung kalinya. Sejak itu, MILO dan OCM telah terus bekerjasama untuk membangunkan dan memupuk nilai-nilai dan bakat sukan negara kita. Menerusi kerjasama berterusan dengan OCM serta program sukan akar umbi yang kami laksanakan, kami tetap komited untuk memberi inspirasi kepada atlet bertaraf dunia generasi akan datang Malaysia.”

Datuk Hj. Hamidin, Timbalan Presiden OCM mengulas, "Sejak 1956, MILO telah menjadi rakan kerjasama paling lama OCM. Sepanjang 68 tahun berturut-turut bersama OCM, MILO telah memainkan peranan penting untuk membuka peluang untuk atlet Malaysia mengasah bakat masing-masing dan mewakili Malaya/Malaysia di peringkat serantau dan global, menyokong (+lebih) 16 Kontinjen ke Sukan Olimpik (511 atlet), 2 Kontinjen ke Sukan Musim Sejuk Olimpik (4 atlet), 3 Kontinjen ke Sukan Olimpik Belia (53 atlet) dan 2 Kontinjen ke Sukan Olimpik Belia Musim Sejuk (3 atlet). Di samping itu, MILO telah menyokong Kontinjen Malaysia ke 17 Sukan Asia (2,775 atlet), 16 Sukan Komanwel (1,345 atlet) dan 32 Sukan SEA (12,391 atlet). Kami sukacita untuk meneruskan kerjasama yang penuh bermakna ini dengan MILO demi menyokong Kontinjen atlet berbakat Malaysia secara berterusan.”

Perjanjian tajaan ini bakal menyaksikan kerjasama tersebut diteruskan sehingga 2028, dengan MILO memberikan sokongan kewangan dan sumbangan barangan kepada kontinjen Malaysia yang bersaing di Sukan Olimpik 2024 dan Sukan Paralimpik 2024.

MILO memainkan peranan aktif menggalakkan penyertaan sukan dan amalan gaya hidup aktif dan sihat menerusi pelbagai program yang dinantikan-nantikan oleh rakyat Malaysia setiap tahun, dengan menarik penyertaan daripada hampir 8 juta individu di seluruh negara. Antaranya termasuk Klinik Juara Milo, Hidup Bola Milo, Hari Sarapan MSSM dan MILO. Di samping kerjasama dengan OCM dan majlis sukan penting lain, inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen MILO untuk membantu mencorakkan masa depan sukan Malaysia.

###

Mengenai MILO®

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6456
Mobile: +6012-235 6865
E-mail: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Deepa Mukundan or Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
Mobile: +6010-426 5857 (Deepa) or
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mail: acorncommunications@acornco.com.my